

04 AUG 1997

DBKL-Kebersihan

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR DIGESA LANCAR KEMPEN KEBERSIHAN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digesa melancarkan kempen bagi menghentikan tabiat buruk segelintir masyarakat yang membuang sampah sesuka hati.

Setiausaha Publisiti kebangsaan DAP Wee Choo Keong berkata bahawa mengadakan peraturan baru dan mengenakan denda tidak dapat mengatasi masalah itu kerana pihak berkuasa tidak dapat selama 24 jam menguatkuasakan peraturan itu.

"Kerajaan perlu memberi penerangan kepada masyarakat melalui kempen besar-besaran menerusi media massa dengan objektif menyemai kesedaran sivik di kalangan warga kota," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata jumlah tong sampah di ibu negara perlu mencukupi bagi kemudahan orang ramai membuang sampah.

Sementara itu, Penyelia Alam Flora Sdn Bhd bagi kawasan Bukit Bintang Abdul Hamid Ibrahim memberitahu Bernama bahawa enam pekerja kontrak membersihkan Jalan Bukit Bintang dua kali sehari iaitu pada 9 pagi dan 3 petang.

Beliau berkata mereka yang berada di jalan-jalan selepas mengunjungi pub atau karaoke pada malam Sabtu ialah antara golongan yang menyebabkan keadaan di Jalan Bukit Bintang dicemari dengan sampah-sarap..

Menurut beliau, Alam Flora menyediakan 20 tong sampah 120 liter di kedua-dua belah jalan dan dikutup setiap hari.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berasa malu dengan sikap buruk masyarakat yang membuang sampah dan mengotorakan Jalan Bukit Bintang dan mencemarkan imej negara.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee menggesa orang ramai dan pihak berkuasa di negeri ini agar bekerjasama bagi menjaga kebersihan di kawasan masing-masing.

Katanya penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak memadai jika orang ramai terus mengamalkan sikap suka membuang sampah merata-rata seperti melempar sampah keluar dari kereta, rumah atau bangunan.

"Pihak berkuasa mesti meningkatkan usaha untuk membersihkan kawasan bandar manakala orang ramai pula mesti memastikan tempat mereka bersih," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis promosi keluaran edisi khas "Wira", yang menjadi maskot Sukan Komanwel Kuala Lumpur 98.

Mengenai sama ada hukuman lebih keras perlu dikenakan terhadap mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat, Yong berkata: "Kita harus mencegahnya dahulu. -- BERNAMA

JS FAZ